PEJABAT KETUA PENDAFTAR
Office of the Chief Registrar
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
Federal Court of Malaysia
ISTANA KEHAKIMAN
PRESINT 3
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88803500
03-88803782
Faks : 03-88803886

Laman Web : http://www.kehakiman.gov.my

Ruj. Kami : JK/MP 16 Jld.5

Tarikh : 12 Ogos 2010

Semua Hakim
Mahkamah Sesyen
Seluruh Malaysia

Semua Timbalan Pendaftar
Mahkamah Tinggi
Seluruh Malaysia

Semua Majistret
Mahkamah Majistret
Seluruh Malaysia

Semua Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi
Seluruh Malaysia

Semua Pendaftar Mahkamah Rendah
Seluruh Malaysia

YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan,

PEKELILING KETUA PENDAFTAR BIL. 4/2010
PANDUAN PEMFAILAN DERAF PERINTAH DAN PENGHAKIMAN / PERINTAH PENGHAKIMAN BERSIH DALAM PROSIDING DI MAHKAMAH-MAHKAMAH SELURUH MALAYSIA

Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara mengarahkan bahawa bagi tujuan mempercepatkan urusan pengeluaran deraf perintah atau penghakiman dan perintah atau penghakiman bersih bagi kes-kes di Mahkamah Tinggi, Sesyen dan Majistret Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, amalan-amalan berikut hendaklah diikuti :

GARISPANDUAN AM:

(a) Semua permohonan bagi perintah / penghakiman persetujuan hendaklah disertai dengan deraf perintah / penghakiman berkenaan untuk diluluskan dengan serta-merta oleh Mahkamah ketika perbicaraan kes berkenaan.

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab surat ini)

(b) Apabila permohonan Saman Dalam Kamar (ex-parte) atau Notis Permohonan (ex-parte) difailkan, pihak berkenaan atau peguam bagi pihak yang memfailkan permohonan itu hendaklah pada masa yang sama memfailkan deraf perintah dalam **dua (2) salinan** yang mesti dikepilkan bersama-sama dengan permohonan itu. Sekiranya permohonan itu teratur, Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Sesyen, Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar atau Majistret akan meluluskan deraf perintah dan mengembalikan kepada peguam berkenaan dengan serta merta.

(c) Melainkan deraf perintah yang dinyatakan di dalam perenggan (a) dan (b) di atas, peguam hendaklah menyerahkan **dua (2) salinan** deraf perintah / penghakiman beserta dengan surat iringan dalam masa tidak lewat **tujuh (7) hari** dari tarikh luput pengesahan persetujuan dari kedua-dua belah pihak.

(d) Deraf perintah / penghakiman akan diluluskan selewat-lewatnya **(4) hari** daripada tarikh ianya diterima.

(e) Sekiranya deraf perintah / penghakiman masih belum diterima dalam tempoh yang dinyatakan di perenggan (d), peguam dikehendaki berhubung terus dengan Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar / Pendaftar Mahkamah Sesyen dan Majistret untuk mengetahui status deraf perintah / penghakiman yang telah difailkan.

(f) Salinan perintah / penghakiman bersih hendaklah difailkan oleh peguam dalam masa **tujuh (7) hari** dari tarikh deraf yang diluluskan dan diterima dan perintah / penghakiman bersih akan dimeterai, ditandatangani oleh Pegawai yang yang berkaitan dan dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftaran Mahkamah dalam masa **empat (4) hari** bekerja.

(g) Bagi deraf perintah / penghakiman yang dikembalikan tanpa diluluskan kepada peguam untuk pindaan, deraf tersebut hendaklah dikembalikan semula dalam masa **tiga (3) hari** dari tarikh penerimaan dan perkiraan tempoh masa seterusnya adalah dari tarikh deraf itu diterima semula oleh Pejabat Pendaftaran Mahkamah.

(h) Salinan yang diakui sah hanya akan disahkan dari **salinan asal perintah bersih/ penghakiman bersih yang telah dimeterai dan ditandatangani** dan perlu dikemukakan sendiri oleh pihak-pihak setelah bayaran tertentu dibuat.

GARISPANDUAN KHUSUS BAGI PENYEMAKAN PERINTAH DAN PENGHAKIMAN:

(i) Mahkamah hanya perlu menyemak pada tajuk sesuatu perintah atau penghakiman di mahkamah mana perintah tersebut diperolehi. Walaupun borang-borang yang disediakan di dalam Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 menyatakan bahawa tajuk tersebut perlulah sama seperti tajuk di dalam tindakan, namun begitu mahkamah tidak akan bertanggungjawab dengan

sebarang perbezaan yang berlaku selagi mana nama negeri dan mahkamah di mana perintah tersebut diperolehi adalah betul.

(j) Bagi Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur, deskripsi Bahagian perlulah dinyatakan samada ia adalah Bahagian Sivil, Dagang, Keluarga, Rayuan Kuasa-Kuasa Pelbagai dan sebagainya.

(k) Tajuk pada perintah atau penghakiman tersebut juga perlulah mengandungi jenis tindakan samada ia adalah Guaman Sivil, Petisyen, Saman Pemula dan sebagainya.

(l) Mahkamah akan menerima nama pihak-pihak yang tertera pada perintah atau penghakiman sepertimana yang tertera pada perintah tersebut. Jika terdapat *intitulement* dinyatakan pada perintah tersebut, tiada sebarang pembetulan yang akan dibuat oleh mahkamah.

(m)Gelaran Hakim seperti Yang Arif, Datuk, Datin, Ir, Hj, tidak perlu dinyatakan. Nama-nama Hakim dan Pegawai yang tertera pada perintah atau penghakiman adalah nama Hakim dan Pegawai sepertimana yang disenaraikan di dalam laman web rasmi Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia di alamat www.kehakiman.gov.my.

(n) Kedudukan tarikh perlulah diletakkan di bahagian kiri perintah atau penghakiman tersebut.

(o) Perkataan haribulan pada tarikh tidak perlu dinyatakan.

(p) Bulan di mana perintah atau penghakiman tersebut diperolehi mestilah dieja dengan penuh sebagai contoh **"JULAI".**

(q) Perkataan "Dalam Kamar" atau "Mahkamah Terbuka" perlulah diletakkan di bahagian kanan perintah atau penghakiman tersebut.

(r) Tajuk Perintah atau Penghakiman

i) Perintah
Perkataan perintah akan digunakan dalam keadaan di mana perintah diperolehi melalui permohonan yang menggunakan affidavit tetapi senarai affidavit yang digunapakai untuk tujuan permohonan tersebut tidak perlu dinyatakan di dalam perintah tersebut.

ii) Penghakiman
Perkataan penghakiman digunakan apabila sesuatu keputusan yang dibuat adalah keputusan yang telah memuktamadkan sesuatu tindakan tersebut.

iii) Pemfailan serentak perintah dan penghakiman di dalam satu keadaan tidak lagi akan timbul memandangkan telah dinyatakan di atas keadaan bila sesuatu perintah difailkan dan keadaan bila penghakiman perlu difailkan.

(s) Kandungan sesuatu perintah atau penghakiman mestilah sepertimana kandungan di dalam Borang 79 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan Borang 76 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980.

(t) Bagi deraf perintah atau penghakiman yang telah difailkan di Registri:

i) Pihak Registri akan menerima deraf tersebut sepertimana ianya difailkan dan menganggap ianya adalah betul jika kedua-dua pihak telah menandatangani deraf tersebut

ii) Pihak-pihak perlulah memaklumkan dengan kadar segera kepada mahkamah jika terdapat sebarang pembetulan yang ingin dibuat bagi keadaan di atas walaupun pembayaran untuk perintah atau penghakiman bersih telah dibuat di mana mahkamah masih boleh membetulkan perintah atau penghakiman tersebut.

iii) Pihak-pihak perlulah membuat permohonan untuk meminda perintah atau penghakiman tersebut jika perintah atau penghakiman itu telah dimeterai.

(u) Mahkamah akan memberi perhatian kepada kandungan perintah atau penghakiman jika hanya salah satu pihak sahaja yang menandatangani deraf tersebut di mana mahkamah akan membuat pembetulan yang perlu mengikut perintah yang telah diberikan oleh Hakim atau pegawai kehakiman.

(v) Tarikh dan meterai oleh Pendaftar mestilah mengikut borang 79 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan borang 76 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980.

(w) Bahagian Pengindorsan oleh pihak-pihak yang menfailkan perintah atau penghakiman dikekalkan dan bahagian ini perlulah di atas bahagian pengesahan.

(x) Bagi deraf perintah atau penghakiman, pengesahan oleh kedua-dua pihak mestilah diletakkan di bawah bahagian pengindorsan.

(y) Contoh garispanduan di atas untuk tujuan penyemakan perintah atau penghakiman sepertimana contoh di dalam **Lampiran A.**

(z) Bagi Mahkamah-mahkamah di Semanjung Malaysia, Pekeliling Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya Bil 1/2009 adalah dibatalkan.

Pekeliling Ketua Pendaftar Bil 4/2010 ini adalah berkuatkuasa mulai **16 Ogos 2010.**

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATO' HASHIM BIN HAMZAH)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Kepada:

YBhg. Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara
No. 45, Persiaran Perdan Putra
Presint 4
62100 PUTRAJAYA

Presiden
Majlis Peguam Malaysia
No. 13, 15 dan 17, Leboh Pasar Besar
50050 KUALA LUMPUR

Pengerusi
Persatuan Undang-Undang Sabah
Tingkat 2, 58 Jalan Pantai
Hainan Association Building
88000 Kota Kinabalu
SABAH
Faks : 088-232 654

Pengerusi
Persatuan Peguambela dan Peguamcara Sarawak
Bilik Peguam, Kompleks Mahkamah Kuching
Jalan Gersik
93050 Petrajaya, Kuching
SARAWAK
Faks : 082-449 427

Salinan kepada :

YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
Jalan Gersik
93050 Petrajaya, Kuching
SARAWAK

Pendaftar
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
Jalan Gersik
93050 Petrajaya, Kuching
SARAWAK

Pengarah Mahkamah Negeri
SELURUH MALAYSIA

Ketua Unit Perpustakaan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA



Pn Nurul Husna/Pendaftar Ketua Pendaftar Bil.4/2010

GARISPANDUAN PEMFAILAN DAN PEYEMAKAN PERINTAH DAN PENGHAKIMAN

LAMPIRAN A

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI JOHOR BAHRU
DALAM NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM
GUAMAN SIVIL NO : 22-2898-2010

ANTARA

RHB BANK BERHAD **...PLAINTIF**
[Sykt. No: S-39029L]

DAN

YUSOF BIN ABD GHANI **... DEFENDAN**
[No. K/P: 841003-14-5447]

DI HADAPAN PESURUHJAYA KEHAKIMAN
KAMARDIN B HASHIM
PADA 10 JULAI 2010 **DALAM KAMAR**

PENGHAKIMAN

Defendan setelah memasukkan kehadiran dalam tindakan ini dan Mahkamah setelah memerintahkan di bawah Aturan 14, Kaedah 3 bahawa penghakiman sebagaimana yang diperuntukkan kemudian darpada ini dicatatkan menyebelahi Plaintif terhadap Defendan.

•Mahkamah hanya perlu menyemak pada tajuk sesuatu perintah atau penghakiman di mahkamah mana perintah tersebut diperolehi.

•Walaupun borang-borang yang disediakan di dalam Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 menyatakan bahawa tajuk tersebut perlulah sama seperti tajuk di dalam tindakan, namun begitu mahkamah tidak akan bertanggungjawab dengan sebarang perbezaan yang berlaku selagi mana nama negeri dan mahkamah di mana perintah tersebut diperolehi adalah betul.

•Bagi Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur, deskripsi Bahagian perlulah dinyatakan samada ia adalah Bahagian Sivil, Dagang, Keluarga, Rayuan Kuasa-Kuasa Pelbagai dan sebagainya.

•Tajuk pada perintah atau penghakiman tersebut juga perlulah mengandungi jenis tindakan samada ia adalah Guaman Sivil, Petisyen, Saman Pemula dan sebagainya.

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI JOHOR BAHRU
DALAM NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM
GUAMAN SIVIL NO.: 22-2898-2010

ANTARA

RHB BANK BERHAD ...PLAINTIF
[Sykt. No: S-39029L]

DAN

YUSOF BIN ABD GHANI ... DEFENDAN
[No. K/P: 841003-14-5447]

DI HADAPAN PESURUHJAYA KEHAKIMAN
KAMARDIN B HASHIM
PADA 10 JULAI 2010 **DALAM KAMAR**

PENGHAKIMAN

Defendan setelah memasukkan kehadiran dalam tindakan ini dan Mahkamah setelah memerintahkan di bawah Aturan 14, Kaedah 3 bahawa penghakiman sebagaimana yang diperuntukkan kemudian darpada ini dicatatkan menyebelahi Plaintif terhadap Defendan.

- Mahkamah akan menerima nama pihak-pihak yang tertera pada perintah atau penghakiman sepertimana yang tertera pada perintah tersebut.

Intitulement

- Jika terdapat *intitulement* dinyatakan pada perintah tersebut, tiada sebarang pembetulan yang akan dibuat oleh mahkamah.

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI JOHOR BAHRU
DALAM NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM
GUAMAN SIVIL NO.: 22-2898-2010

ANTARA

RHB BANK BERHAD ...PLAINTIF
[Sykt. No: S-39029L]

DAN

YUSOF BIN ABD GHANI ... DEFENDAN
[No. K/P: 841003-14-5447]

DI HADAPAN PESURUHJAYA KEHAKIMAN
KAMARDIN B HASHIM
PADA 10 JULAI 2010 DALAM KAMAR

PENGHAKIMAN

Defendan setelah memasukkan kehadiran dalam tindakan ini dan Mahkamah setelah memerintahkan di bawah Aturan 14, Kaedah 3 bahawa penghakiman sebagaimana yang diperuntukkan kemudian darpada ini dicatatkan menyebelahi Plaintif terhadap Defendan.

- Gelaran Hakim seperti Yang Arif, Datuk, Datin, Ir, Hj, tidak perlu dinyatakan.
- Nama-nama Hakim dan Pegawai yang tertera pada perintah atau penghakiman adalah nama Hakim dan Pegawai sepertimana yang disenaraikan di dalam laman web rasmi Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia di alamat www.kehakiman.gov.my.
- Kedudukan tarikh perlulah diletakkan di bahagian kiri perintah atau penghakiman tersebut.
- Perkataan haribulan pada tarikh tidak perlu dinyatakan.
- Bulan di mana perintah atau penghakiman tersebut diperolehi mestilah dieja dengan penuh.
- Perkataan "Dalam Kamar" atau "Mahkamah Terbuka" perlulah diletakkan di bahagian kanan perintah atau penghakiman tersebut.

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI JOHOR BAHRU
DALAM NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM
GUAMAN SIVIL NO.: 22-2898-2010

ANTARA

RHB BANK BERHAD ...PLAINTIF
[Sykt. No: S-39029L]

DAN

YUSOF BIN ABD GHANI ... DEFENDAN
[No. K/P: 841003-14-5447]

DI HADAPAN PESURUHJAYA KEHAKIMAN
KAMARDIN B HASHIM
PADA 10 JULAI 2010 DALAM KAMAR

PENGHAKIMAN

Defendan setelah memasukkan kehadiran dalam tindakan ini dan Mahkamah setelah memerintahkan di bawah Aturan 14, Kaedah 3 bahawa penghakiman sebagaimana yang diperuntukkan kemudian darpada ini dicatatkan menyebelahi Plaintif terhadap Defendan.

Perintah/Penghakiman

"Perintah"

- Perkataan perintah akan digunakan dalam keadaan di mana perintah diperolehi melalui permohonan yang menggunakan affidavit tetapi senarai affidavit yang digunapakai untuk tujuan permohonan tersebut tidak perlu dinyatakan di dalam perintah tersebut.

"Penghakiman"

- Perkataan penghakiman digunakan apabila sesuatu keputusan yang dibuat adalah keputusan yang telah memuktamadkan sesuatu tindakan tersebut.

Nota:

- Pemfailan serentak perintah dan penghakiman di dalam satu keadaan tidak lagi akan timbul memandangkan telah dinyatakan di atas keadaan bila sesuatu perintah difailkan dan keadaan bila penghakiman perlu difailkan.

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI JOHOR BAHRU
DALAM NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM
GUAMAN SIVIL NO.: 22-2898-2010

ANTARA

RHB BANK BERHAD ...PLAINTIF
[Sykt. No: S-39029L]

DAN

YUSOF BIN ABD GHANI ... DEFENDAN
[No. K/P: 841003-14-5447]

DI HADAPAN PESURUHJAYA KEHAKIMAN
KAMARDIN B HASHIM
PADA 10 JULAI 2010 DALAM KAMAR

PENGHAKIMAN

Defendan setelah memasukkan kehadiran dalam tindakan ini dan Mahkamah setelah memerintahkan di bawah Aturan 14, Kaedah 3 bahawa penghakiman sebagaimana yang diperuntukkan kemudian darpada ini dicatatkan menyebelahi Plaintif terhadap Defendan.

- Kandungan sesuatu perintah atau penghakiman mestilah sepertimana kandungan di dalam Borang 79 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan Borang 76 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980.

- Pihak Registri akan menerima deraf tersebut sepertimana ianya difailkan dan menganggap ianya adalah betul jika kedua-dua pihak telah menandatangani deraf tersebut.

- Pihak-pihak perlulah memaklumkan dengan kadar segera kepada mahkamah jika terdapat sebarang pembetulan yang ingin dibuat bagi keadaan di atas walaupun pembayaran untuk perintah atau penghakiman bersih telah dibuat di mana mahkamah masih boleh membetulkan perintah atau penghakiman tersebut.

- Pihak-pihak perlulah membuat permohonan untuk meminda perintah atau penghakiman tersebut jika perintah atau penghakiman itu telah dimeterai.

- Mahkamah akan memberi perhatian kepada kandungan perintah atau penghakiman jika hanya salah satu pihak sahaja yang menandatangani deraf tersebut di mana mahkamah akan membuat pembetulan yang perlu mengikut perintah yang telah diberikan oleh Hakim atau pegawai kehakiman.

Adalah pada hari ini dihakimkan bahawa Defendan hendaklah membayar kepada Plaintif RM 500,000.00 dan RM 5,000 kos

Bertarikh 10 Julai 2010

.....

Penolong Kanan Pendaftar

Mahkamah Tinggi Johor Bahru

Deraf Penghakiman ini difailkan oleh Tetuan Ali & Co Peguamcara Plaintif yang dinamakan diatas yang beralamat penyampaian Tingkat 8, Menara Safuan, 50450 Kuala Lumpur.

Untuk kelulusan tuan,

.....

Peguamcara Plaintif

.....

Peguamcara Defendan

• Tarikh dan meterai oleh Pendaftar mestilah mengikut borang 79 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan borang 76 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980.



Adalah pada hari ini dihakimkan bahawa defendan adalah membayar kepada plaintif RM 500,000.00 dan RM 5,000 kos

Bertarikh 10 Julai 2010

.....

Penolong Kanan Pendaftar

Mahkamah Tinggi Johor Bahru

Deraf Penghakiman ini difailkan oleh Tetuan Ali & Co Peguamcara Plaintif yang dinamakan diatas yang beralamat penyampaian Tingkat 8, Menara Safuan, 50450 Kuala Lumpur.

Untuk kelulusan tuan,

.....

Peguamcara Plaintif

.....

Peguamcara Defendan

• Bahagian Pengindorsan oleh pihak-pihak yang menfailkan perintah atau penghakiman dikekalkan dan bahagian ini perlulah di atas bahagian pengesahan.

Adalah pada hari ini dihakimkan bahawa Defendan adalah membayar kepada Plaintif RM 500,000.00 dan RM 5,000 kos

Bertarikh 10 Julai 2010

.....

Penolong Kanan Pendaftar

Mahkamah Tinggi Johor Bahru

Deraf Penghakiman ini difailkan oleh Tetuan Ali & Co Peguamcara Plaintif yang dinamakan diatas yang beralamat penyampaian Tingkat 8, Menara Safuan, 50450 Kuala Lumpur.

Untuk kelulusan tuan,

.....

Peguamcara Plaintif

.....

Peguamcara Defendan



- Bagi deraf perintah atau penghakiman, pengesahan oleh kedua-dua pihak mestilah diletakkan di bawah bahagian pengindorsan.